



PARA peserta yang menyertai Pertandingan Inovasi dan Penyelidikan Novel 2015 di Pulau Pinang, baru-baru ini.

Hanisah harumkan USIM di NRIC 2015

SEREMBAN 18 Ogos - Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Hanisah Hassan, 24 diumumkan sebagai pemenang Pertandingan Inovasi dan Penyelidikan Novel (Novel Research & Innovation Competition) 2015 di Pulau Pinang, baru-baru ini.

Kejayaan Hanisah itu membolehkan dia membawa pulang piala, sijil dan wang tunai RM5,000 yang disampaikan Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Datuk Dr. Omar Osman.

Hanisah turut memenangi anugerah pingat emas dan penyampai terbaik dalam pertandingan berkenaan.

Pelajar tahun akhir Fakulti Perubatan dan Sains kesihatan USIM itu mempertandingkan produk yang diberi nama 'HURMA' iaitu pakaian hospital untuk pesakit bagi kategori Sains Perubatan dan Kesihatan.

Kata Hanisah, sebagai pelajar perubatan yang banyak menjalankan kerja klinikal di hospital, mereka menerima banyak aduan dan rungutan berkenaan pakaian hospital yang singkat serta tidak menutup aurat.

"Terutama sekali apabila doktor yang akan menjalankan

pemeriksaan terpaksa membuka bahagian anggota yang tidak dirawat bagi melakukan rawatan berikutan pakaian yang tidak mesra pengguna.

"Oleh kerana itu, timbul idea untuk mencipta pakaian yang mesra pengguna iaitu selain bahagian lengan yang panjang dan dilengkapi penutup kepala, setiap bahagian anggota badan juga dilengkapi dengan butang seperti di bahagian tangan, perut, dada, belakang badan, kaki dan alat sulit.

"Ini memudahkan doktor untuk akses bahagian yang ingin dirawat sahaja," jelas Hanisah di Nilai, dekat sini hari ini.

Sebelum ini produk 'HURMA' turut tersenarai di Finalis Anugerah Inovasi Negara iaitu antara 10 produk terbaik dari 280 penyertaan bagi kategori Akar Umbi yang berlangsung di National Innovation Conference and Exhibition (NICE) 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Dengan tema 'Modernising In-



HANISAH HASSAN

novation Beyond Novelty Research', USIM mempertaruhkan 10 produk untuk penyertaan di NRIC dan dua kumpulan untuk penyertaan *Community Research & Innovation Competition (CORIC)*.

Daripada 10 produk yang dipertandingkan sebanyak tiga produk merangkul pingat emas iaitu 'HURMA', 'IMTL-X', 'Duta Jauhar' selain empat pingat perak melalui produk 'Chito Bauf IMTL', 'Q-Finder', 'Aqualicious' dan 'Sukun' dan dua pingat gangsa melalui produk 'Braille' dan 'Jackie Joy'.

Turut membanggakan USIM apabila tiga kali berturut-turut memenangi *Best Presenter CORIC* sejak tahun 2013.

Pada tahun ini ia menjadi hak milik Nur Izzati Afiqah Mohd. Helmi pelajar Teknologi Kimia dan Industri yang mempersembahkan idea *Novel Marine Biowaste Membrane Technology A-Community-University (CommUiversity) Project* iaitu bahan buangan daripada ikan dijadikan bahan tambahan untuk pembuatan teknologi membran.